

sedang kamu berkeadaan lemah (kerana sedikit bilangan dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu). (123). (Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): "Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera dari malaikat yang diturunkan (dari langit)?," (124).²⁰ Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan

seharusnya dianggap saling menerangkan dan menguatkan satu sama lain. (4) Perincian yang terdapat di dalam hadits sebenarnya berpunca daripada ayat-ayat yang berkenaan. (5) Mengingatkan umat kepada rujukan utama mereka dalam segala perkara. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah al-Qur'an al-Karim.

²⁰ Ayat 124 ini adakah berkait dengan ayat 123 sebelumnya atau ia berkait dengan ayat 121 Surah Aali 'Imraan berikut:

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقْعِدَ لِلْقِتَالِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٢١﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika engkau keluar pada pagi hari dari rumah ahlimu (isterimu di Madinah), dengan tujuan menempatkan orang-orang yang beriman pada tempat masing-masing untuk berperang (di medan perang Uhud). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (Aali 'Imraan: 121). Para 'ulama' berbeda pendapat tentangnya. 'Ikrimah dan segolongan tokoh tafsir berpendapat ia berkait dengan ayat 121 Aali 'Imraan ini. Maka dengan sendirinya bererti ayat 124 adalah berkait dengan peristiwa peperangan Uhud, bukan peristiwa peperangan Badar. Tetapi jumhur 'ulama', termasuk Imam Bukhari berpendapat, ayat 124 adalah berkait dengan ayat 123 sebelumnya. Ini bererti golongan ini berpendapat ia berkaitan dengan peristiwa peperangan Badar. Tindakan Bukhari meletakkan kesemua ayat-ayat itu di bawah bab peperangan Badar menunjukkan beliau lebih bersetuju dengan pendapat jumhur 'ulama' dan itulah pendapat yang dipilihnya. Antara dalil yang dipegang oleh jumhur 'ulama' dalam perkara ini ialah riwayat Ibnu Abi Haatim. Beliau meriwayatkannya daripada Sya'bi dengan sanad yang sahih bahawa: "Pada hari Badar orang-orang Islam mendapat tahu bahawa Kurz bin Jaabir akan menolong orang-orang musyrikin dengan senjata dan bala tenteranya. Maka orang-orang Islam berasa sangat susah hati mendengar berita itu. Kerananya Allah menurunkan ayat 124 dan ayat-ayat seterusnya itu." Riwayat ini jelas menunjukkan ia berkait dengan peristiwa peperangan Badar. **Walaupun berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-hadits**, para malaikat telah turun dalam peristiwa peperangan Badar, Uhud dan Hunain, namun perbezaannya ialah dalam peperangan Badar para malaikat itu turut berperang bersama-sama orang-orang Islam dalam menentang orang-orang musyrikin. Dalam peperangan Hunain, turun mereka hanya untuk membawa kebaikan dan keberkatan sahaja. Dan dalam peperangan Uhud pula mereka tidak turut berperang. Apa yang dilakukan oleh mereka hanyalah menjaga Rasulullah s.a.w. daripada serangan musuh yang bertalu-talu. Oleh kerana penurunan malaikat dalam peperangan Badar berbeza daripada yang lain-lain, di mana mereka diturunkan oleh Allah untuk menolong orang-orang mu'minin dengan terlibat sama dalam memerangi orang-orang

mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, nescaya Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang bertanda masing-masing. (125). Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu, dan supaya kamu tenteram dengan bantuan itu. Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (126). (Kemenangan Badar itu) kerana Allah hendak membinasakan satu golongan dari orang-orang kafir atau menghina mereka (dengan kekalahan), supaya mereka kembali dengan hampa kecewa. (127). (Ali `Imraan: 123-127).

Kata Wahsyi: "Hamzah telah membunuh Thu`aimah bin `Adi bin al-Khiyaar pada hari (peperangan) Badar."²¹

Dan firman Allah s.w.t. (bermaksud): Dan (ingatlah), ketika Allah menjanjikan kepadamu salah satu dari dua golongan (yang kamu hadapi) adalah untukmu, sedang kamu

musyrikin, Imam Bukhari mengemukakan ayat-ayat yang berkaitan dengannya secara khusus di dalam tajuk bab ini.

²¹ Waham (kekeliruan dan kesilapan) perawi telah berlaku di sini. Yang sebetulnya bukan Thu`aimah bin `Adi bin al-Khiyaar, tetapi Thu`aimah bin `Adi bin Naufal. Tujuan Imam Bukhari mengemukakan kata-kata Wahsyi di sini ialah untuk menyatakan sebab kenapakah Wahsyi membunuh Hamzah dalam peperangan Uhud yang telah berlaku pada tahun ketiga hijrah? Sebabnya ialah Hamzah telah membunuh Thu`aimah bin `Adi di Badar pada tahun kedua hijrah. Ahli keluarga Thu`aimah memang berdendam dengan Hamzah yang telah membunuh salah seorang yang sangat disayangi mereka. Demi membalas dendam, mereka telah menawarkan kemerdekaan kepada Wahsyi yang merupakan salah seorang hamba abdi mereka, jika ia berjaya membunuh Hamzah. Itulah sebab yang mendorong Wahsyi membunuh Hamzah pada tahun berikutnya. Peristiwa pembunuhan Hamzah oleh Wahsyi secara terperinci akan dikemukakan oleh Bukhari di bawah باب قتل حمزة بن عبد المطلب nanti. Oleh kerana pembunuhan Hamzah dalam peperangan Uhud ada kaitan dengan perang Badar daripada segi pembunuhan Thu`aimah bin `Adilah sebenarnya merupakan punca kepada Wahsyi membunuh Hamzah, Imam Bukhari mengemukakannya secara ringkas di sini. Kata-kata Wahsyi dikemukakan oleh Bukhari secara ta'liq saja di dalam tajuk bab di atas. Ia sebenarnya merupakan sebahagian daripada hadits Wahsyi yang dikemukakan secara musnad oleh beliau di bawah باب قتل حمزة بن عبد المطلب.

menginginkan yang tidak mempunyai kekekuatan senjatalah yang untukmu, (hingga ke akhir ayat).²² الحَدُّ bererti الشُّوْكَةُ (kekuatan).

٣٩٥١ - حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ كَعْبٍ قَالَ سَمِعْتُ كَعْبَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ لَمْ أَتَخَلَّفْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةٍ غَزَاهَا إِلَّا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ غَيْرَ أَنِّي تَخَلَّفْتُ عَنْ غَزْوَةِ بَدْرٍ وَلَمْ يُعَاتَبْ أَحَدٌ تَخَلَّفَ عَنْهَا إِنَّمَا خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُرِيدُ عِيرَ فُرَيْشٍ حَتَّى جَمَعَ اللَّهُ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ عَدُوِّهِمْ عَلَى غَيْرِ مِيعَادٍ

3951- Yahya bin Bukair meriwayatkan kepadaku, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada 'Uqail daripada Ibni Syihaab daripada 'Abdir Rahman bin 'Abdillah bin Ka'ab, bahawa kata 'Abdullah bin Ka'ab: Aku telah mendengar Ka'ab bin Malik bercerita, katanya: "Aku tidak pernah ketinggalan (tidak ikut serta) dalam mana-mana peperangan yang disertai Nabi s.a.w. selain peperangan Tabuk, meskipun aku juga tidak ikut serta dalam peperangan Badar.²³ Tiada siapa pun dicela kerana tidak ikut serta dalam

²² Firman Allah ini selengkapnya adalah seperti di bawah ini:

وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّوْنَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشُّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَن يُحَقِّقَ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعَ دَابِرَ الْكَافِرِينَ ﴿٧﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Allah menjanjikan kepadamu salah satu dari dua golongan (yang kamu hadapi) adalah untukmu, sedang kamu menginginkan yang tidak mempunyai kekekuatan senjatalah yang untukmu, padahal Allah menghendaki untuk membenarkan yang benar dengan ayat-ayatNya dan memusnahkan orang-orang kafir seluruhnya. (al-Anfaal:7). Tujuan Imam Bukhari mengemukakan ayat ini juga untuk menyatakan ia juga berkaitan dengan perang Badar. Perkataan الشُّوْكَةُ di dalamnya ditafsirkan dengan الحَدُّ yang bererti kekuatan. Tafsiran ini sebenarnya berpunca daripada tafsiran Abu 'Ubaidah di dalam Majaaazul Qur'annya.

²³ Cara Ka'ab bin Malik mengecualikan dua peperangan yang tidak disertainya bersama Nabi s.a.w. menimbulkan kemusykilan kepada sesetengah orang. Kata mereka, kenapa beliau tidak berkata begini saja: لَمْ أَتَخَلَّفْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةٍ غَزَاهَا إِلَّا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ وَغَزْوَةِ بَدْرٍ (Aku tidak pernah ketinggalan (tidak ikut serta) dalam mana-mana peperangan yang disertai Nabi s.a.w. selain peperangan Tabuk dan Badar). Bukankah beliau bermaksud mengecualikan kedua-duanya? Kenapakah Ka'ab mengecualikan perang Tabuk dengan katanya: غَزْوَةِ تَبُوكَ secara berasingan. Untuk mengecualikan perang Badar pula beliau berkata: غَزْوَةِ بَدْرٍ secara berasingan pula? Antara jawapan yang telah diberikan untuk menyelesaikan kemusykilan